

Pandangan orang luar terhadap KUIM

YANG Dipertua Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Datuk Nordin Mohd. Yatib menganggap kehadiran KUIM di Bandar Baru Nilai adalah rahmat kerana menyumbang kepada pembangunan hab akademik di Nilai dan kawasan sekitarnya.

Perpindahan KUIM ke kampus tetapnya di Nilai sejak tahun 2005 mengimarahkan lagi kehadiran institusi-institusi pengajian tinggi lain yang terdapat di Nilai.

Tambah beliau, pemilihan Nilai sebagai tapak tetap kampus KUIM mengesahkan lagi peranan Nilai sebagai hab di rantau sebelah ini di samping beberapa institusi pengajian tinggi yang telah sedia ada.

Sebagai institusi pengajian tinggi awam yang ke-12, tentu sekali KUIM menjadi kebanggaan penduduk Nilai yang melihatnya sebagai satu *role-model* untuk mencapai kecemerlangan pendidikan.

Malah beliau turut bangga dengan pencapaian graduan KUIM yang dilihat berkemampuan untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan. Pembangunan dan peningkatan modal insan akan dijadikan tonggak utama kepada pembangunan berterusan negara seperti yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan graduan KUIM tidak terkecuali dalam memainkan peranan ini.



DATUK NORDIN MOHD. YATIB



PROF. DR. JAMES SCORZELLI

Keistimewaan KUIM, menurut beliau ialah ia tidak berpaksi kepada bidang tradisional Islam semata-mata tetapi merentasi kehendak pasaran semasa termasuk program kritikal dan profesional. Situasi ini mendorong KUIM sentiasa maju dalam era globalisasi.

Graduan KUIM juga semakin diiktiraf di peringkat antarabangsa. Satu contoh yang nyata ialah graduan KUIM yang terlibat dengan program Duta Kecil KLIA.

Beliau juga berterima kasih kepada KUIM kerana sentiasa berganding bahu dengan MPN dalam menjayakan segala aktiviti yang memberi faedah kepada penduduk setempat dan juga masyarakat di luar Nilai.

Pandangan Nordin turut dikongsi Pensyarah di Universiti Northeastern, Boston, Amerika Syarikat, Prof. Dr. James Scorzelli.

Beliau yang juga profesor pelawat bagi Program Diploma Siswazah dalam Penyalahgunaan Dadah (Spada) mendapati KUIM amat pesat membangun dari aspek akademik dan juga kemudahan fizikal.

Beliau cukup bangga kerana walaupun KUIM masih muda, tetapi berjaya membuktikan bahawa ia adalah setanding dengan universiti-universiti lain.

Beberapa program yang ditawarkan di KUIM seperti Spada membuktikan keistimewaan KUIM yang tidak ada di universiti-universiti lain.

Harapan beliau ialah KUIM akari terus bergerak maju dan berusaha gigih untuk menjadi universiti tersohor satu hari nanti.